

Dr.M ketuai penerima anugerah Sultan Perak

IPOH, Isnin — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengetuai senarai 498 penerima darjah kebesaran dan bintang sempena hari ulang tahun ke-puteraan Sultan Perak yang ke 57 esok.

Perdana Menteri yang juga Ketua Barisan Nasional dan Ketua Jawatankuasa Perhubungan UMNO Perak dianugerahkan Seri Paduka Cura Simanja Kini (SPCM) membawa gelaran Dato' Seri.

●Senarai penuh muka 2

Beliau merupakan penerima tunggal darjah tersebut — yang tertinggi sekali, selain dari Darjah Kerahat (DK).

Beliau diikuti oleh Datuk Shaari bin Shafie, bekas Menteri Besar Perak dan Setiausaha Kerajaan, Encik Mohd. Khalil bin Haji Hussein yang masing-masing di-



DR.MAHATHIR

anugerahkan Seri Paduka Mahkota Perak (SPMP) juga membawa gelaran Datuk Seri — darjah kedua yang tertinggi.

Presiden GERAKAN, Dr. Lim Keng Yaik dan Duta Besar Malaysia ke Mesir, Sudan dan Lebanon, Haji Hassan Adli bin

Arshad adalah diantara empat penerima Dato' Paduka Cura Simanja Kini (DPCM) — gelaran Dato' yang teratas.

Penerima DPCM yang lain ialah Ketua Pengarah Muzium Negara, Datuk Shahrum Yub dan Senator Chin Kim Yoong dari MCA.

Panglima Briged ke 10 Infantri Malaysia di Kroh, Brig.Jen. Chong Thean Bok adalah penerima tunggal Dato' Pahlawan Taming Sari (DPTS).

Pengarah Hutan Perak, Encik Othman bin Abdul Manan, Encik Hew See Tong, Presiden Persatuan Pelombong China Malaysia, Dr.S.Dharmalingam dan Encik Chuah Yew Au dianugerahkan Dato' Paduka Mahkota Perak (DPMP) — membawa gelaran Dato' yang kedua tertinggi.

Pegawai Daerah Kinta, Haji Zainal Abidin bin Maamor adalah diantara enam penerima Paduka Cura Simanja Kini (PCM). Penerima lain ialah Dr. P. Sinthamoney, Pakar Periggian di Hospital Besar di sini, Encik Mohd Redzuan bin Mohd Noh, Timbalan Ketua Pengarah Pertanian, Encik Mohd Hussaini bin Abdul Jalil, Setiausaha Bahagian Pengurusan Kontrek dan Bekalan di Kementerian Kewangan, Encik Abdul Rani bin Mohd Razali, Timbalan Ketua Pengarah Kastam, Kuala Lumpur dan Encik Abdul Rahman bin Haji Mohamed.

Pengurus The New Straits Times Wilayah Dua, Encik John Kam dan empat orang lagi wakil akhbar di Perak turut dianugerahkan bintang sempena hari keputeraan tahun ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia